

KIT PERSARAAN LHDNM



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

SEKAPUR SIREH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan kepada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dalam melayari bahtera kerjaya di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan seterusnya sampai bersara wajib dalam perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Saya, mewakili pengurusan atasan dan semua pegawai di LHDNM amat berbesar hati dan mengucapkan berbilion terima kasih atas segala khidmat bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan ke atas organisasi tercinta ini. Jasa YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah tidak ternilai dan akan sentiasa dikenang dan kekal dalam ingatan kami semua.

Kami turut berbangga dan berbesar hati kerana dapat memberikan khidmat terakhir kepada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dengan memperkenalkan **Kit Persaraan LHDNM** khusus untuk rujukan dan panduan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam pasca perkhidmatan di LHDNM.

Akhir kata, saya memanjatkan doa ke hadrat Ilahi agar YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dan keluarga dipanjangkan usia dan sentiasa dikurniakan dengan kesihatan yang terbaik dan kesejahteraan dalam alam persaraan. Semoga hubungan erat ini akan terus terjalin, subur dan kekal sebagai kenangan terindah buat Hasilian semua.

Sekian, terima kasih.

Datuk Hisham Bin Rusli

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Syukur Alhamdulillah dengan limpah rahmatNya, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan telah berjaya menamatkan perkhidmatan wajib dengan jayanya. Tahniah diucapkan di atas kejayaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Saya selaku Pengarah Jabatan Pengurusan Insan, ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbillion terima kasih atas segala jasa yang telah disumbangkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Segala khidmat jasa yang ditinggalkan akan menjadi harta yang tidak ternilai kepada organisasi ini.

Sebagaimana fitrah kehidupan, setiap yang bermula pasti akan berakhir, begitu juga dengan kerjaya kita. Justeru, saya dan seluruh Hasilian ingin mengucapkan "Selamat Bersara" kepada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dengan iringan doa dari kami semua, semoga YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sekeluarga sentiasa berada dalam lindungan Allah Taala, dalam keadaan sihat dan sejahtera hendaknya.

Sebagai penutup bicara, '*All The Best to You*' YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang dikasihi.

Sekian, terima kasih.

Zahari Bin Ali
Pengarah
Jabatan Pengurusan Insan



ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH	1
PRAKATA	2
ISI KANDUNGAN	3
PENDAHULUAN	5
SAGUHATI TAMAT PERKHIDMATAN (STP)	6
WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)	7
KEMUDAHAN PERUBATAN	8
Klinik Panel LHDNM (Pesakit Luar / Pergigian)	8
Hospital Kerajaan, Hospital/Pusat Perubatan Universiti DAN Institut Jantung Negara (IJN)	8
Tuntutan Bayaran Balik Perubatan	9
KEMUDAHAN HOTEL PANEL LHDNM	10
TUNTUTAN PERPINDAHAN	12
Pemberian Perpindahan	13
Elaun Gantian Makan	16
Bayaran Hotel atau Lojing	16
Elaun Perjalanan Kenderaan	17
Tambang Pengangkutan Barang	18
Tuntutan Belanja Pelbagai	19
Kaedah Tuntutan	19
SIJIL SIMPANAN PREMIUM	20
MENGHADIRI ISTIADAT PENGURNIAAN	21
Elaun Makan	22
Elaun Perjalanan	22
Bayaran Pelbagai	23
Elaun Penginapan	23

Kaedah Tuntutan	23
KAD PESARA	24
RUJUKAN	25
PLATFORM UNTUK BERHUBUNG	27
DISEDIAKAN OLEH	27



PENDAHULUAN

- Kit Persaraan LHDNM ini memuatkan maklumat berhubung faedah persaraan berserta kemudahan yang dinikmati oleh pesara-pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- Faedah persaraan dan kemudahan pasca persaraan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh LHDNM dari semasa ke semasa.
- Sebarang pindaan kepada maklumat persaraan ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Pesara akan dimaklumkan berhubung perubahan-perubahan (sekiranya ada) melalui Jabatan Pengurusan Insan dan Unit Pentadbiran penempatan terakhir sebelum pegawai bersara atau boleh dirujuk dalam Portal Pesara Hasil <https://pesara.hasil.gov.my>



SAGUHATI TAMAT PERKHIDMATAN (STP)

- Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP) merupakan satu pemberian tunai kepada pesara LHDNM yang hilang taraf berpencen dan memilih Skim Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (SSLHDNM).
- Wang STP adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan dan potongan KWSP.
- Pemberian wang STP diberikan kepada pesara menggunakan formula berikut bagi pegawai yang dilantik secara tetap **sebelum** 1 Januari 2017:

Gaji Pokok Akhir x Tempoh Perkhidmatan Yang Boleh Dimasuk Kira x 1.0

- Pemberian wang STP diberikan kepada pesara menggunakan formula berikut bagi pegawai yang dilantik secara tetap **mulai** 1 Januari 2017:

Gaji Pokok Akhir x Tempoh Perkhidmatan Yang Boleh Dimasuk Kira x Kadar Faktor Penggandaan

- Nilai faktor penggandaan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan seperti berikut:

TEMPOH PERKHIDMATAN	FAKTOR PENGGANDAAN
Kurang 10 tahun	0.5
Melebihi 10 tahun	0.75
Melebihi 20 tahun	1.0

Jadual 1: Faktor Penggandaan Pengiraan STP


- Wang STP pesara akan dikreditkan ke akaun pesara dalam tempoh **14 hari** dari tarikh persaraan, tertakluk kepada perubahan semasa.

WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

- Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) merupakan ganjaran kepada pesara yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat demi kepentingan perkhidmatan dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dibenarkan untuk mengumpul cuti rehat sehingga maksimum sebanyak **180 hari**.
- Pengiraan Wang Tunai GCR kepada pesara adalah menggunakan formula berikut:

$$1/30 \times \text{Jumlah GCR} \times [\text{Gaji Terakhir} + \text{Imbuhan Tetap}]$$

- Wang Tunai GCR akan dikreditkan ke akaun pesara dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh persaraan wajib, tertakluk kepada perubahan-perubahan semasa.



KEMUDAHAN PERUBATAN

KLINIK PANEL LHDNM (PESAKIT LUAR / PERGIGIAN)

- Kemudahan di klinik panel LHDNM disediakan kepada pesara LHDNM sahaja.
- **Rawatan pesakit luar di Klinik Panel** terhad untuk penyakit biasa yang tidak melibatkan pakar.
- **Rawatan di Klinik Panel Pergigian** terhad kepada cabut, tampal dan cabut gigi geraham kecil melalui pembedahan kecil.
- Tuntutan di klinik bukan panel hanya dibenarkan jika:
 - i. Tiada klinik panel LHDNM berdekatan dalam jarak 10KM: atau
 - ii. Kes kecemasan: dan
 - iii. Bukan rawatan pakar
- Senarai klinik panel boleh diakses di Laman Rasmi Pesara LHDNM

HOSPITAL KERAJAAN, HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI DAN INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJN)

- Kemudahan perubatan di Hospital Kerajaan, Hospital/Pusat Perubatan Universiti dan Institut Jantung Negara (IJN) disediakan bagi pesara LHDNM dan tanggungan. Kelayakan anak adalah terhad sebelum mencapai umur 19 tahun atau 21 tahun jika masih belajar: dan terputus jika telah berkahwin serta tiada had umur bagi anak-anak Kelainan Upaya OKU.
- Kemudahan Hospital/Pusat Perubatan Universiti terhad di Public Wing.
- Kemasukan ke wad adalah dengan menggunakan e-GL / Surat Jaminan LHDNM / Kad Pesara.
- Caj rawatan pesakit luar di klinik / hospital Kerajaan perlu dibayar terlebih dahulu dan dituntut kemudian dari pejabat LHDNM terakhir pesara.
- Kelayakan wad di hospital Kerajaan adalah seperti jadual berikut:

HGS	KELAS WAD
E4 - PREMIER	Satu (bilik seorang)
NE9 - E3	Satu (bilik berdua)
NET5 - NE8	Satu (bilik bertiga / lebih)
NE4 KE BAWAH	Dua (bilik bertiga / lebih)

Jadual 2: Kelayakan Wad di Hospital Kerajaan.

TUNTUTAN BAYARAN BALIK PERUBATAN

- Tuntutan bayaran balik perubatan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia - Ceraian Perubatan.
- Perbelanjaan bagi pembekalan ubatan, alat-alat, perkhidmatan perubatan dan rawatan penyakit buah pinggang yang diperolehi di hospital / klinik / agensi swasta adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- Perbelanjaan bagi rawatan kepakaran, perbelanjaan bagi rawatan kecemasan yang diperolehi di hospital / klinik swasta juga tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
- Pesara boleh membuat tuntutan secara manual dengan merujuk kepada Jabatan / Cawangan terakhir atau terus berhubung dengan Seksyen Pasca Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan di talian 03-83138888 sambungan 21915 atau 21075 atau 21044 dan talian Hotline 019 281 3425.

KEMUDAHAN HOTEL PANEL LHDNM

- Pesara layak menikmati kemudahan Hotel Panel LHDNM dalam Malaysia dengan harga tawaran korporat yang lebih rendah berbanding harga *published rates* dan kadar korporat Kerajaan.
- Pelaksanaan Kemudahan Hotel Panel adalah seperti berikut:
 - i. Kadar harga korporat atau *LHDNM rate* adalah tertakluk kepada kadar harga yang ditetapkan oleh pihak hotel panel dari semasa ke semasa.
 - ii. Tempahan dan urusan penginapan di hotel panel diuruskan sendiri oleh pesara.
 - iii. Bayaran/caj bilik penginapan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pesara.
 - iv. Pesara hendaklah menunjukkan Kad Pesara LHDNM sebagai pengenalan diri kepada pihak hotel berkenaan.
 - v. Pesara dinasihatkan menghubungi pihak hotel sebelum berkunjung dan menggunakan kemudahan ini bagi memastikan tawaran terkini yang disediakan oleh pihak hotel.
 - vi. Pemilihan dan pelantikan hotel panel lain yang bersesuaian akan dibuat dari semasa ke semasa. Senarai hotel panel LHDNM (sehingga 15 Mac 2020) adalah seperti **Jadual 3** di bawah:

Jadual 3: Senarai Hotel Panel LHDNM

Bil	Negeri	Hotel Panel LHDNM
1.	Sabah	i. Raia Hotel, Kota Kinabalu
		ii. Premonade Hotel, Kota Kinabalu
		iii. Sabah Hotel, Sandakan
2.	Sarawak	i. Riverside Majestic, Astana Wing, Kuching
		ii. Riverside Majestic Puteri Wing, Kuching
		iii. Grand Margherita Hotel, Kuching

Bil	Negeri	Hotel Panel LHDNM
		iv. Hotel Harbour View, Kuching
3.	Terengganu	i. Raia Hotel & Convention Centre Terengganu
		ii. Primula Beach Resort, Kuala Terengganu
		iii. Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu
4.	Johor	i. Grand Paragon Hotel, Johor Bahru
		ii. KSL Hotel & Resort, Johor Bahru
5.	Kedah	Raia Hotel & Convention Centre, Alor Setar
6.	Negeri Sembilan	i. AnCasa Residence, Port Dickson
		ii. Nilai Springs Resort Hotel
7.	Selangor	TH Hotel Kelana Jaya
8.	Perak	i. Casuarina Hotel
		ii. Tower Regency Hotel & Apartments
9.	Perlis	The Putra Regency Hotel
10.	Pulau Pinang	i. Raja Hotel Penang
		ii. Bayview Hotel
11.	Pahang	AnCasa Royale, Pekan
12.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	AnCasa Hotel & SPA

TUNTUTAN PERPINDAHAN

- Pesara dan keluarga layak membuat tuntutan perpindahan dari tempat akhir pesara berkhidmat ke tempat yang dipilih untuk bersara di mana-mana sahaja dalam Malaysia.
- Permohonan tuntutan dikemukakan kepada Jabatan/Cawangan terakhir pesara bertugas mengikut kadar kelayakan jawatan terakhir sebelum bersara menggunakan borang tuntutan manual.
Tuntutan perpindahan merangkumi:



PEMBERIAN PERPINDAHAN

Jika pengangkutan barang-barang adalah tidak menggunakan syarikat pengangkutan barang atau tidak disediakan oleh jabatan maka pesara layak menuntut Pemberian Pindahan dengan kadar berikut:

KADAR PEMBERIAN PERPINDAHAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK (TERMASUK LABUAN)

GRED	SEMENANJUNG		SABAH/SARAWAK (TERMASUK LABUAN)	
	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)
Gred Utama A dan ke atas	600.00	1,200.00	800.00	1,600.00
Gred Utama B dan C	500.00	1,000.00	700.00	1,400.00
Gred 54	500.00	1,000.00	700.00	1,400.00
Gred 48 hingga 52	450.00	900.00	650.00	1,300.00
Gred 44	400.00	800.00	600.00	1,200.00
Gred 41	350.00	700.00	550.00	1,100.00
Gred 32 dan 34	300.00	600.00	400.00	800.00
Gred 31	250.00	500.00	350.00	750.00
Gred 12,14, 22 dan 24	200.00	400.00	300.00	600.00
Gred 11 dan 12	180.00	360.00	250.00	500.00
Gred 2	150.00	300.00	200.00	400.00
Gred 1	100.00	200.00	150.00	300.00

**KADAR PEMBERIAN PERPINDAHAN DARI SEMENANJUNG MALAYSIA KE
SABAH /SARAWAK (TERMASUK LABUAN) ATAU SEBALIKNYA**

GRED	SEMENANJUNG		SABAH/SARAWAK (TERMASUK LABUAN)	
	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)
Gred Utama A dan ke atas	600.00	1,200.00	800.00	1,600.00
Gred Utama B dan C	500.00	1,200.00	700.00	1,600.00
Gred 54	500.00	1,200.00	700.00	1,600.00
Gred 48 hingga 52	450.00	900.00	650.00	1,300.00
Gred 44	400.00	800.00	600.00	1,200.00
Gred 41	350.00	700.00	550.00	1,100.00
Gred 32 dan 34	300.00	600.00	400.00	800.00
Gred 31	250.00	500.00	350.00	700.00
Gred 12,14, 22 dan 24	200.00	400.00	300.00	600.00
Gred 11 dan 12	180.00	360.00	250.00	500.00
Gred 2	150.00	300.00	200.00	400.00
Gred 1	100.00	200.00	150.00	300.00

KADAR PEMBERIAN PERPINDAHAN DARI SARAWAK KE SABAH (TERMASUK LABUAN) ATAU SEBALIKNYA

GRED	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)
Gred Utama A dan ke atas	800.00	1,600.00
Gred Utama B dan C	700.00	1,400.00
Gred 54	700.00	1,400.00
Gred 48 hingga 52	650.00	1,300.00
Gred 44	600.00	1,200.00
Gred 41	550.00	1,100.00
Gred 32 dan 34	400.00	800.00
Gred 31	350.00	750.00
Gred 12, 14, 22 dan 24	300.00	600.00
Gred 11 dan 12	250.00	500.00
Gred 2	240.00	500.00
Gred 1	150.00	300.00

ELAUN GANTIAN MAKAN

Pesara adalah layak membuat tuntutan Elaun Gantian Makan mengikut kadar Elaun Makan di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan adalah bagi tempoh tiga (3) hari sebelum dan lima (5) hari selepas berpindah, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga. Tuntutan ini tidak memerlukan pesara mengemukakan resit/ bil/ invois.

Kadar Elaun Gantian Makan adalah seperti berikut:

KADAR TUGAS RASMI (Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2018)		
HGS	Semenanjung Malaysia (RM)	Labuan, Sabah dan Sarawak (RM)
L4 dan ke atas/ S5	140.00	190.00
L2 dan L3 / S3 dan S4	100.00	140.00
E1 hingga L1 / S1 dan S2	80.00	100.00
NE8 hingga NE11	60.00	60.00
NE7 dan ke bawah/ NET7 dan ke bawah	50.00	60.00

BAYARAN SEWA HOTEL ATAU LOJING

- Tuntutan elaun pertukaran yang melibatkan penginapan adalah mengikut kadar Bayaran Sewa Hotel di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan bagi tempoh tiga (3) hari sebelum dan lima (5) hari selepas berpindah, mengikut bilangan sebenar ahli keluarga. Walau bagaimanapun, had bilangan bilik yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi tiga (3) buah bilik.
- Pesara pada HGS L1 hingga HGS NE1 adalah layak menuntut tambahan sebanyak 25% daripada kelayakan kadar Bayaran Sewa Hotel di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan bagi setiap bilik.
- Tuntutan ini memerlukan pesara mengemukakan resit/ bil/ invois. Sebaliknya, jika tidak menuntut Bayaran Sewa Hotel pekerja layak menuntut Elaun Lojing (tanpa resit) bagi dirinya sahaja, mengikut kelayakan di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan bagi tempoh tiga (3) hari sebelum dan lima (5) hari selepas berpindah seperti berikut:

KADAR BAYARAN HOTEL ATAU LOJING

KADAR TUGAS RASMI (Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2018)		
HGS	Semenanjung, Labuan, Sabah dan Sarawak (RM)	
	Sewa Hotel (maksimum) (RM)	Elaun Lojing (RM)
Premier 3 dan ke atas	Kadar Sebenar (Standard Suite)	200.00
L3 & L4/ S4 dan S5	Kadar Sebenar (Bilik Superior)	125.00
L2/ L3	Kadar Sebenar (Bilik Biasa)	125.00
E4 hingga L1/ S1 dan S2	300.00	120.00
E1 hingga E3	250.00	100.00
NE4 hingga NE11/ NET7 dan ke bawah	200.00	80.00
NE3 dan ke bawah	150.00	60.00

ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

Pesara layak menuntut elaun perjalanan sebagaimana nilai sebenar tiket pengangkutan awam atau sekiranya menggunakan kenderaan sendiri berdasarkan kadar tuntutan berikut:

KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

JENIS KENDERAAN	KADAR (RM)/KM
Motosikal	0.50
Motobot	0.20
Kereta	1.00

TAMBANG PENGANGKUTAN BARANG

Sekiranya pesara menggunakan perkhidmatan pengangkutan perjalanan darat, kadar tambang yang boleh tuntutan adalah seperti berikut:

KADAR TAMBANG PENGANGKUTAN BARANG-BARANG (Perjalanan Darat)

JARAK	SEMENANJUNG		SABAH/SARAWAK	
	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)
50 KM ke bawah	100.00	150.00	120.00	180.00
200 KM selepas 50 KM	2.00	3.00	2.40	3.60
250 KM selepas 250 KM	1.50	2.25	1.80	2.70
250 KM selepas 500 KM	1.00	1.50	1.20	1.80
250 KM selepas 750 km	0.75	1.13	0.90	1.35
250 KM selepas 1000 KM	0.50	0.75	0.60	0.90
Tiap-tiap KM selepas 1000 KM	0.25	0.38	0.30	0.45

Manakala bagi pengangkutan barang menggunakan jalan laut, kadar caj yang boleh tuntutan oleh pesara adalah berdasarkan resit yang diberikan oleh syarikat pengangkutan berkenaan tertakluk kepada had muatan seperti berikut:

HAD MUATAN BARANG (Perjalanan Laut)

Individu	Had Muatan (M ³)
Pesara	1.84
Isteri/Suami	1.84
Anak berumur 3 tahun ke atas (setiap seorang)	0.93
Seorang orang gaji (terhad seorang)	0.93
Anak berumur 3 tahun ke bawah (setiap seorang)	0.45

**TAMBAHAN HAD MUATAN BARANG
(Perjalanan Laut)**

Individu	Had Muatan (M ³)
Pesara Berkeluarga	6.79
Pesara Bujang	3.39

TUNTUTAN BELANJA PELBAGAI

Pesara juga diperuntukkan untuk membuat tuntutan belanja pelbagai pada kadar tertentu daripada jumlah keseluruhan tuntutan perpindahan. Kadar berkenaan adalah seperti jadual berikut:

TUNTUTAN BELANJA PELBAGAI

LOKASI PERPINDAHAN	KADAR DARIPADA JUMLAH TUNTUTAN
Di Semenanjung	1%
Di Sarawak & Sabah (termasuk Labuan)	1.5%
Antara Wilayah (Dari Semenanjung)	1%
Antara Wilayah (Dari Sarawak/Sabah)(Termasuk Labuan)	1.5%

KAEDAH TUNTUTAN

Pesara boleh membuat tuntutan secara manual dengan merujuk Jabatan terakhir atau berhubung terus dengan Seksyen Pasca Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan.


SIJIL SIMPANAN PREMIUM

- Sebagai satu bentuk penghargaan kepada pesara LHDNM, setiap pesara akan diberikan cenderamata yang sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi Ringgit Malaysia Enam Ratus Ringgit (RM600.00) sahaja.
- Cenderamata diberikan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium (SSP), Bank Simpanan Nasional (BSN).
- Pesara yang memiliki SSP ini berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah yang ditawarkan dan menikmati pulangan dividen atas simpanan berkenaan. Pesara juga boleh menebus tunai sijil simpanan ini dengan berurusan dengan BSN.



MENGHADIRI ISTIADAT PENGURNIAAN

- Pesara yang diundang dan menghadiri Istiadat Pengurniaan untuk menerima Pingat atau Darjah Kebesaran Persekutuan atau Negeri adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran atas kadar bertugas rasmi.
- Tuntutan boleh dikemukakan kepada LHDNM dan kadarnya adalah mengikut gred jawatan yang akhir sebelum pegawai bersara.
- Dua (2) orang tetamu yang diundang dan menghadiri Istiadat Pengurniaan Pingat atau Darjah Kebesaran bagi seseorang pesara adalah juga layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran di mana kadarnya adalah mengikut kelayakan gred jawatan akhir sebelum pegawai tersebut bersara.
- Elaun, kemudahan dan bayaran ini merangkumi perkara berikut:



ELAUN MAKAN

Pesara yang menghadiri Istiadat Pengurniaan bagi tempoh 24 jam atau lebih yang dikira mulai dari waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan mengikut kadar seperti berikut:

KADAR TUGAS RASMI (Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2018)		
HGS	Semenanjung Malaysia (RM)	Labuan, Sabah & Sarawak (RM)
L4 dan ke atas/ S5	140.00	190.00
L2 dan L3 / S3 dan S4	100.00	140.00
E1 hingga L1 / S1 dan S2	80.00	100.00
NE8 hingga NE11	60.00	60.00
NE7 dan ke bawah/ NET7 dan ke bawah	50.00	60.00

Elaun Makan tidak layak dituntut jika kemudahan makan disediakan oleh LHDNM atau Penganjur

ELAUN PERJALANAN

Pesara yang menggunakan pengangkutan awam untuk menghadiri Istiadat Pengurniaan layak menuntut elaun perjalanan mengikut tiket yang dikemukakan. Sekiranya pesara menggunakan kenderaan sendiri, pesara layak menuntut elaun perjalanan kenderaan dengan kadar seperti berikut:

KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

JENIS KENDERAAN	KADAR (RM)/KM
Motosikal	0.50
Motobot	0.20
Kereta	1.00

BAYARAN PELBAGAI

Bayaran pelbagai adalah apa-apa jenis bayaran yang terbit ketika urusan menghadiri Upacara Istiadat Pengurniaan berkenaan seperti bayaran tol, bayaran cukai (perkhidmatan penginapan) yang berkaitan dan sebagainya tertakluk kepada resit bayaran yang dikemukakan semasa tuntutan dibuat.

ELAUN PENGINAPAN

Pesara yang menghadiri Istiadat Pengurniaan dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar seperti berikut:


KADAR TUGAS RASMI (Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2018)		
HGS	Semenanjung, Labuan, Sabah dan Sarawak (RM)	
	Sewa Hotel (maksimum) (RM)	Lojing (RM)
Premier 3 dan ke atas	Kadar Sebenar (Standard Suite)	200.00
L3 & L4/ S4 dan S5	Kadar Sebenar (Bilik Superior)	125.00
L2/ S3	Kadar Sebenar (Bilik Biasa)	125.00
E4 hingga L1/ S1 dan S2	300.00	120.00
E1 hingga E3	250.00	100.00
NE4 hingga NE11/ NET7 dan ke bawah	200.00	80.00
NE3 dan ke bawah	150.00	60.00

KAEDAH TUNTUTAN

Pesara boleh membuat tuntutan secara manual dengan merujuk Jabatan / Cawangan terakhir atau terus berhubung dengan Seksyen Pasca Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan.

KAD PESARA

- Kad pesara merupakan satu dokumen identiti bagi semua pesara LHDNM.
- Satu (1) unit Kad Pesara dibekalkan kepada pesara LHDNM sebelum persaraan untuk urusan menikmati kemudahan.
- Penggantian kad pesara disebabkan kehilangan atau kerosakan boleh dibuat dengan merujuk pejabat terakhir pesara atau terus berhubung dengan Seksyen Pasca Perkhidmatan dan Pemisah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan.
- Contoh kad pesara LHDNM adalah seperti berikut:



RUJUKAN

Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP):

- Pekeliling Pentadbiran Bil. 7 Tahun 2021: Pemberian Saguhati Tamat Perkhidmatan Kepada Pegawai Dalam Sistem Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (SSLHDNM)

Gantian Cuti Rehat (GCR):

- Pekeliling Pentadbiran Bil. 2 Tahun 2009: Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2020: Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai LHDNM.
- Memo bertarikh 16 Jun 2022 Ruj. LHDNM.AR.C 100-1/2Klt.2 (51): Peningkatan Jumlah Maksimum dan Penebusan Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada pegawai LHDNM.
- Memo bertarikh 18 Julai 2023 Ruj. LHDNM.AR.C 100-1//1/2Klt.2 (1): Peningkatan Jumlah Maksimum Gantian Cuti Rehar (GCR) dan GCR kepada pegawai LHDNM.

Kemudahan Perubatan:

- Pekeliling Pentadbiran Bil. 17 Tahun 2012: Kemudahan Rawatan Di Klinik Panel Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Kemudahan Perubatan.

Kemudahan Hotel Panel:

- Memo Jabatan Pengurusan Insan: Makluman Pelantikan Hotel Panel Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 14 Disember 2018.

Tuntutan Perpindahan:

- Perintah Am 38 Bab (B).
- Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2015: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Bagi Pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kerana Bertukar/Berpindah Rumah.
- Memo Jabatan Kewangan: Makluman Faedah dan Kemudahan Persaraan LHDNM, 13 Februari 2018.

Sijil Saguhati Premium:

- Pekeliling Kewangan Bil. 2 Tahun 2023: Peraturan Untuk Meraikan Pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Bersara.

Menghadiri Istiadat Pengurniaan:

- Pekeliling Pentadbiran Bil. 15 Tahun 2012: Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi Pegawai Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-pengarah Negeri.
- Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2018: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

Kad Pesara:

- Pekeliling Pentadbiran Bil. 15 Tahun 2020: Peraturan Penggunaan Kad Pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).



PLATFORM UNTUK BERHUBUNG

Telefon Pasca	019 281 3425
Emel Pasca	pasca@hasil.gov.my
Laman Rasmi Pesara Hasil	pesara.hasil.gov.my

DISEDIAKAN OLEH

Jabatan Pengurusan Insan
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Oktober 2023